



SURAU AL-'IZZAH

سوراء العزة

No Pendaftaran JAIS: JAI.SEL.BPM/01/035/227

Jalan Samudera Selatan 10, Taman Samudera, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan

Pengerusi: Haji Desa Ali (012-370 0744) | Setiausaha: Wan Mohd Zukri Che Mat Zin (012-320 3434)

E surau_alizzah@yahoo.com | W www.surau-alizzah.com | FB www.facebook.com/surau.alizzah

Ruj Kami: SAI/Pem/2013(15)

22 Rejab 1434H

1 Jun 2013

Kepada:

YBhg Para Dermawan

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

YBhg Tuan,

**MALAM AMAL SURAU AL-'IZZAH - PENGUMPULAN DANA
PEMBANGUNAN FASA 3**

Semoga YBhg Tuan berada dalam kerahmatan dan keberkatan Allah SWT.

Untuk makluman YBhg Tuan, pihak Jawatankuasa Surau Al-'Izzah sedang berusaha untuk mengumpul dana bagi membiayai projek menaiktaraf **Fasa 3** yang melibatkan ubahsuai ruang solat utama, pembesaran ruang solat lelaki, pemasangan PA system yang sesuai dan pembinaan menara. Anggaran kos ialah sebanyak **RM140,221.00**. Dana yang terkumpul sehingga kini ialah sebanyak **RM30K**.

Salah satu usaha yang dilakukan oleh pihak Surau Al-'Izzah untuk mencukupkan dana ialah melalui program **Malam Amal Surau Al-'Izzah** yang akan diadakan pada **22 Jun 2013 di K-Club Taman Melawati**.

Sehubungan dengan itu, kami amat berbesar hati sekiranya pihak YBhg Tuan dapat membantu pembangunan Fasa 3 ini melalui sumbangan kewangan atau menaja meja untuk Malam Amal Surau Al-'Izzah seperti brosur yang dilampirkan.

Perhatian dan kerjasama YBhg Tuan kami ucapkan *jazakallahukhairan kathira*. Sama-sama kita berdoa agar usaha ini dipermudahkan oleh Allah SWT dan mendapat keredhaan-Nya.

Sekian, wassalam.

Yang diamanahkan,

Hj Wan Mohd Zukri Che Mat Zin

Setiausaha

012-3203434